

# Terjemahan Majaz Mursal al-Qur'an melalui Strategi Eksplisitasi: Analisis *Itibar Ma Kana*

**BITARA**

Volume 6, Issue 3, 2023: 12-27  
© The Author(s) 2023  
e-ISSN: 2600-9080  
<http://www.bitarajournal.com>  
Received: 18 May 2023  
Accepted: 10 June 2023  
Published: 7 July 2023

## [Translation of Quranic Synecdoche via Explicitation Strategy: Analysis on Relationship of The Previous Stage of an Event That Occurred]

Noor Maizaitun Zainuddin,<sup>1</sup> Nasimah Abdullah<sup>1</sup> & Saifulah Samsudin\*<sup>1</sup>

1 Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor, 43000 Kajang, Selangor, MALAYSIA.  
E-mail: maizainuddin93@gmail.com; nasimah@kuis.edu.my; saifulah@kuis.edu.my

\*Corresponding Author: maizainuddin93@gmail.com

### Abstrak

Majaz mursal merupakan salah satu daripada gaya bahasa majaz yang terdapat dalam ilmu retorik bahasa Arab. Majaz mursal mengandungi makna implisit. Jika majaz mursal diterjemah secara literal akan mengundang kepada kehilangan makna implisit yang terdapat di dalamnya. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk melihat keberkesanan strategi eksplisitasi dalam usaha menzahirkan makna implisit yang wujud dalam gaya bahasa majaz mursal al-Quran khusus kepada hubungan berkaitan dengan perkara yang telah terjadi (علاقة اعتبار ما كان). Kajian ini adalah kajian kepustakaan dan berbentuk kualitatif kerana menggunakan kaedah analisis kandungan teks dan teknik pensampelan bertujuan. Kajian ini menggunakan kitab al-Burhan fi Ulum al-Quran sebagai sumber data utama dalam kajian. Empat teks terjemahan al-Quran iaitu teks terjemahan al-Hidayah House of Quran, Karya Bestari, Abdullah Basmeih dan Yayasan Restu dijadikan korpus untuk melihat pendekatan terjemahan yang digunakan. Analisis data bagi terjemahan yang dipilih adalah berlandaskan teori eksplisitasi yang diperkenalkan oleh Vinay & Darbelnet (1995) dan teknik pengeksplisitan yang dikemukakan oleh Murtisari (2016). Untuk mengukur ketepatan dan kesepadanan mesej bahasa sumber dengan bahasa sasaran, penghuraian kitab-kitab tafsir dirujuk seperti Tafsir al-Kashshāf karya Al-Zamakhshari, Tafsir al-Jalalain karya al-Suyuti, Tafsir Anwar At-Tanzil wa Asrar At-Tawil karya Baydhawi, Tafsir Al-Tashil li Ulum al-Tanzil karya Ibn Juzayy, Tafsir al-Tahrir Wa al-Tanwir karya Ibn Asyur, Tafsir al-Tabari karya al-Tabari, Tafsir Fi Zilal al-Quran karya Syed Qutb dan Tafsir al-Munir karya Wahbah al-Zuhaili. Berdasarkan enam data yang dikaji, kajian ini mendapati bahawa strategi eksplisitasi yang digunakan mampu menzahirkan makna implisit yang wujud dalam gaya bahasa majaz mursal dari hubungan berkaitan dengan perkara yang telah terjadi berbanding kaedah literal yang mengundang kehilangan makna majaz mursal dalam teks terjemahan.

**Kata kunci:** Majaz Mursal, Hubungan berkaitan perkara yang telah terjadi (علاقة اعتبار ما كان), eksplisitasi.

### Abstract

Majaz mursal is one of the styles of al-Majaz in Arabic rhetorical sciences. Majaz mursal contains the implicit meaning. The literal approach will lead to the loss of the implicit meaning in majaz mursal. Therefore, this study aims to look at the effectiveness of explicitation strategies to express the implicit meaning inherent in the style of majaz mursal language specific to the relationship of the previous stage of an event that occurred (علاقة اعتبار ما كان). This study is qualitative library research for adopting content analysis methods and purposive sampling techniques. This study's primary data source was collected from al-Burhan fi Ulum al-Quran. Four translation texts of the Quran by al-

Hidayah House of Quran, Karya Bestari, Abdullah Basmeih, and Yayasan Restu, are used as a corpus to examine the approaches used by the four texts. Data analysis of the selected translation is based on the theory of explicitation introduced by Vinay & Darbelnet (1995) and the explicitation technique presented by Murtisari (2016). To measure the accuracy and compatibility of resource language messages with the target language, interpretation of the book of tafsir are referred to, such as al-Kashshaf by Al-Zamakhshari, al-Jalalain by Al-Suyuti, Anwar At-Tanzil wa Asraru At-Tawil by Baydhawi, Al-Tashil li Ulum al-Tanzil by Ibn Juzayy, al-Tahrir Wa Tanwir by Ibn Asyur, Jamiul Bayan by Al-Tabari, Fi Zilal al-Quran by Syed Qutb and al-Munir by Wahbah Zuhaili. Based on the six data sets examined, this study discovered that the explicitation strategy could express the implicit meaning inherent in the style of majaz mursal with the relationship of the previous stage of an event that occurred. In other words, the literal approach could cause the loss of majaz mursal meaning in translation texts.

**Keywords:** Majaz mursal, relationship of the previous stage of an event that occurred explicitation.

#### Cite This Article:

Noor Maizaitun Zainuddin, Nasimah Abdullah & Saifulah Samsudin. (2023). Terjemahan Majaz Mursal al-Quran melalui Strategi Eksplisitasi: Analisis *Itibar Ma Kana* [Translation of Quranic Synecdoche via Explicitation Strategy: Analysis on Relationship of The Previous Stage of an Event That Occurred]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 6(3): 12-27.

## Pengenalan

Terjemahan merupakan medium pemindahan ilmu serta wahana komunikasi lisan dan bukan lisan antara masyarakat dunia berbilang bangsa dan budaya. Proses pemindahan ilmu dan komunikasi sesama manusia tidak mungkin dapat dicapai dengan mudah tanpa aktiviti penterjemahan. Kebanyakan daripada masyarakat Islam yang tidak mahir bahasa Arab akan merujuk kepada teks terjemahan al-Quran. Hal ini disokong oleh kajian Mohd Yasin et al. (2017) serta kajian Abdullah et al. (2019) yang mendapati teks terjemahan al-Quran berfungsi menjelaskan dan menyampaikan mesej yang terdapat dalam al-Quran kepada pembaca yang tidak memahami dan tidak mempunyai latar belakang pengetahuan dalam bahasa Arab. Bagi masyarakat Melayu yang beragama Islam, terjemahan al-Quran memainkan peranan yang sangat signifikan sebagai wadah untuk memahami al-Quran yang diturunkan dalam bahasa Arab (Abdullah et al., 2017).

Menurut Ameen (2001), al-Quran yang diturunkan dalam bahasa Arab mempunyai ciri-ciri bahasa yang unik selain mengandungi unsur retorik yang tinggi. Al-Quran juga berbeza daripada wacana dan teks yang lain dari segi penulisan, bicara dan olahannya. Antara unsur retorik yang terkandung dalam al-Quran adalah seperti *istiarah*, *kinayah*, *majaz mursal*, *elipsis*, *uslub iltifat*, *ijaz*, *itnab* dan lain-lain. Retorik dikenali sebagai ilmu Balaghah dalam bahasa Arab dan salah satu komponen dalam ilmu linguistik bahasa Arab. Balaghah adalah ilmu yang menghuraikan penampilan makna yang menarik melalui ungkapan yang tepat di samping memberi kesan yang mendalam serta bersesuaian dengan makna (*Glosari Bahasa Dan Kesusasteraan Arab*, 1996).

*Majaz mursal* ialah salah satu bahagian *al-Majaz* yang digunakan oleh orang Arab untuk mengindahkan makna sesuatu perkataan serta menjadikan wacana lebih menarik (Yaapar, 2015). *Majaz mursal* ialah gaya bahasa yang menggunakan sesuatu lafaz untuk merujuk kepada

makna tersirat yang lain bukannya makna tersurat (Ariffin & Mansor, 2019) kerana mempunyai hubungan seperti sebahagian (علاقة الجزئية), keseluruhan (علاقة الكلية), sebab (علاقة السببية), penyebab (علاقة المسببية), keadaan, berdasarkan apa yang telah berlaku (علاقة اعتبار ما كان), dan berdasarkan apa yang akan berlaku (علاقة اعتبار ما سيكون) (Ateeq, 1985). Hubungan tersebut bukan hubungan yang berunsurkan penyerupaan tetapi hubungan berunsurkan kemaknaan (Abdullah et al. 2020a) dan juga mempunyai petunjuk yang menghalang daripada maksud sebenar dizahirkan (Hussin et al. 2019). Oleh yang demikian, jika penterjemah terlalu terikat dengan pendekatan terjemahan secara literal terhadap gaya bahasa ini adakalanya akan mengundang kepada kehilangan makna *majaz mursal* dalam terjemahan (Nurbayan, 2016).

*Majaz mursal* dalam kategori hubungan berkaitan dengan perkara yang telah terjadi merujuk kepada satu keadaan gaya bahasa yang menyebut sesuatu perkara tetapi yang dimaksudkan adalah sesuatu itu sebenarnya telah berlaku sebelum ini (Al-Qazwini, 2003). Contohnya:

أكلت القمح

Terjemahan literal: Saya makan gandum.

Dalam contoh di atas, maksud yang dikehendaki bagi ayat tersebut adalah “Saya makan roti”. Penggunaan perkataan gandum adalah berdasarkan perkara sebelum terjadinya roti tersebut iaitu proses pembuatannya daripada gandum. Di sini dapat diperhatikan bahawa terjemahan literal semata-mata hanya boleh memindahkan konstituen pada ayat tetapi tidak mampu memindahkan makna retorik yang terkandung pada wacana tersebut. Ayat tersebut boleh dipindahkan kepada bahasa Melayu menggunakan strategi eksplisitasi seperti berikut: Saya makan roti yang diperbuat daripada gandum.

## Isu Terjemahan *Majaz Mursal*

Kajian Abdullah et al. (2020c) mendapati wujudnya terjemahan *majaz mursal* yang tidak menepati kehendak makna sebenar al-Quran kerana penterjemah menggunakan pendekatan secara literal. Walau bagaimanapun, kajian itu mendapati bahawa ada kalanya *majaz mursal* boleh diterjemahkan secara literal sekiranya tidak menyebabkan kesamaran pada maksud asal mesej al-Quran dalam bahasa sasaran. Kajian terhadap terjemahan *majaz mursal* dalam Tafsir Pimpinan ar-Rahman mendapati bahawa Abdullah Basmeih tidak konsisten dalam penggunaan pendekatan penterjemahan pada teks-teks tumpuan. Beliau menterjemah sebahagian daripada *majaz mursal* tersebut dengan pendekatan secara literal dan sebahagian lagi menggunakan strategi eksplisitasi (Samsudin et al. 2020).

Kajian Hassan dan Abdul Rahman (2022) mendapati bahawa *majaz mursal* perlu diterjemahkan dengan jelas agar makna yang sebenar dapat disampaikan. Kajian ini juga mencadangkan supaya penjelasan kepada makna sebenar dijadikan sebagai nota kaki atau diletakkan dalam kurungan. Namun begitu, kajian ini tidak memanfaatkan perkembangan teori dalam bidang pengajian terjemahan dengan wujudnya strategi dan pendekatan yang boleh digunakan untuk menterjemah *majaz mursal*. Abdullah et al. (2020a) dalam kajian mereka

membuktikan bahawa strategi eksplisitasi seperti penambahan maklumat dalam kurungan, nota kaki, pengkhususan, penambahan dalam bentuk penjelasan terhadap elipsis dapat diaplikasikan untuk menterjemah *majaz mursal*.

Abdullah et al. (2020a) mendapati bahawa terjemahan *majaz mursal* al-Quran yang terdapat dalam terjemahan makna al-Quran ke bahasa Melayu seringkali cenderung kepada terjemahan literal iaitu mengekalkan bentuk teks sumber tanpa pentafsiran dan takwilan yang jelas. Pindahkan bentuk semata-mata tanpa memfokuskan makna ada kalanya mengundang ketidaktepatan dan kekaburan dalam memahami maksud teks asal terutamanya apabila melibatkan terjemahan teks sumber yang mengandungi unsur budaya dan linguistik berbeza dengan teks sasaran. Namun begitu, kajian ini menegaskan bahawa penggunaan strategi eksplisitasi seperti teknik penambahan, maklumat tambahan pada nota kaki dan penambahan maklumat dalam membolehkan makna implisit diserlahkan.

## Strategi Eksplisitasi

Sebenarnya, para sarjana bidang pengajian terjemahan mempunyai pendapat yang tidak sama dalam menentukan jenis, kategori dan teknik terjemahan. Namun apa yang pasti, mereka mengklasifikasikan strategi terjemahan sesuai dengan perspektif khusus dan sudut pandang yang berbeza sehingga wujud beberapa model, teori dan klasifikasi teknik terjemahan (Baharudin, 2017). Antara strategi dalam terjemahan adalah eksplisitasi.

Pada tahun 1958, eksplisitasi telah diperkenalkan oleh Vinay & Darbalnet (1995) dalam buku mereka yang berbahasa Perancis bertajuk “*Stylistique comparée du français et de l’anglais*”. Mereka membuat perbandingan terjemahan stilistik antara bahasa Inggeris dengan bahasa Perancis. Buku tersebut telah diterjemahkan ke bahasa Inggeris pada tahun 1995. Vinay & Darbalnet (1995) mendefinisikan eksplisitasi sebagai satu prosedur dalam terjemahan yang menzahirkan makna implisit yang terdapat dalam bahasa sumber ke bahasa sasaran atas faktor konteks atau keadaan. Definisi ini bolehlah dianggap sebagai pengertian awal dalam memahami konsep eksplisitasi dalam pengajian terjemahan.

Perkembangan strategi eksplisitasi dapat dibuktikan dengan kajian-kajian daripada sarjana dalam bidang linguistik seperti Nida (1964), Blum-Kulka (1986), Baker (1996), Overas (1998), Papai (2004), Klaudy & Karoly (2005), Pym (2005), Beacher (2010) dan lain-lain. Nida (1964) telah mengembangkan idea eksplisitasi tanpa menggunakan istilah eksplisitasi. Beliau meletakkan strategi eksplisitasi di bawah teknik penyesuaian (*adjustment*) dan menamakannya sebagai teknik penambahan (*addition*).

Selepas dua dekad kemudian, Blum-Kulka (1986) menulis tentang eksplisitasi secara sistematik dan beliau mendapati penambahan makna eksplisit dalam teks sasaran adalah kesan daripada usaha ke arah mewujudkan ketenunan teks (kohesi) dan aliran tematik (koheren). Manakala, Baker (1996) pula mengembangkan lagi strategi eksplisitasi sebagai satu corak terjemahan universal yang cenderung kepada hasil teks yang bersifat lewah di mana beliau membahagikan terjemahan universal kepada empat (4) corak iaitu peringkasan, pengeksplisitan, generalisasi dan penambahan dan pengurangan. Kemunculan kajian Klaudy & Karoly pada 2005 mencambahkan lagi perbincangan tentang eksplisitasi, tetapi kajian ini mencakupi dua strategi secara bersama iaitu eksplisitasi dan implisitasi.

Murtisari (2016) pula menyatakan terdapat pelbagai bentuk eksplisitasi dan antaranya penambahan, pengkhususan, maklumat tambahan dalam kurungan, nota kaki, nota pada akhir bab, glosari pada akhir teks, dalam glosari yang berasingan (khusus untuk penerbitan berjilid). Mansor (2016) mendapati strategi eksplisitasi kategori penambahan terdiri daripada pelbagai bentuk termasuklah penambahan kata hubung, penambahan kata pengelasan, penambahan maklumat dan penjelasan terhadap elipsis. Dalam pada itu, pengkhususan pula bermaksud penggantian item teks sumber dengan padanan yang lebih khusus berdasarkan maksud yang terdapat dalam bahasa sasaran.

Boleh dirumuskan daripada beberapa kajian lepas bahawa strategi eksplisitasi secara asasnya diguna pakai dalam terjemahan untuk memberi kefahaman yang lebih jelas kepada pembaca sasaran tentang makna implisit yang terkandung dalam bahasa sumber, di samping tidak dinafikan juga penggunaan eksplisitasi secara berlebihan adakalanya boleh menyebabkan berlakunya kelewahan.

## Objektif

Kajian ini bertujuan untuk melihat keberkesanan strategi eksplisitasi dalam usaha menzahirkan makna implisit yang wujud dalam gaya bahasa *majaz mursal* khusus kepada hubungan berkaitan dengan perkara yang telah terjadi (علاقة اعتبار ما كان).

## Metodologi

Kajian ini merupakan kajian kepustakaan. Dalam mengumpul dan menganalisis data, kajian ini menerapkan pendekatan kualitatif. Kajian ini menjurus kepada analisis konstratif, analisis kandungan dan analisis deskriptif. Bentuk analisis bersifat konstratif digunakan kerana perbezaan bahasa teks sumber iaitu bahasa Arab dan teks sasaran iaitu bahasa Melayu.

Analisis kandungan terlibat dalam proses analisis data untuk kajian ini. Analisis kandungan teks merupakan satu kaedah yang digunakan untuk mengamati, membuat kesimpulan dan menilai sesuatu bahan yang diterima (Syed Arabi, 2002). Analisis kandungan dalam kajian ini memberi tumpuan kepada membandingkan antara empat (4) teks terjemahan makna al-Quran iaitu i) Tafsir Pimpinan Ar-Rahman kepada Pengertian al-Quran oleh Abdullah Basmeih cetakan 2010, ii) Al-Quran Al-Karim Terjemahan & Tajwid Berwarna terbitan Karya Bestari Sdn. Bhd cetakan 2021, iii) teks “Terjemahan Al-Qur’an Al-Karim Rasm Uthmani dalam Bahasa Melayu,” terbitan Al-Hidayah House of Quran Sdn. Bhd cetakan 2019 dan iv) Al-Quran Mushaf Malaysia dan Terjemahan” terbitan Yayasan Restu cetakan 2011. Kajian ini akan meneliti keempat-empat teks terjemahan tersebut dengan memfokuskan kepada *majaz mursal* dari kategori hubungan berkaitan dengan apa yang telah terjadi. Akronim AB bagi teks terjemahan Abdullah Basmeih, AHHOQ bagi teks terjemahan terbitan Al-Hidayah House of Quran, KB bagi teks terjemahan terbitan Karya Bestari dan YR bagi teks terjemahan Yayasan Restu akan digunakan dalam kajian.

Kajian ini juga menggunakan analisis deskriptif untuk memberi gambaran yang jelas bagaimana elemen *majaz mursal* Al-Quran diterjemahkan secara literal ke dalam bahasa Melayu menyebabkan kehilangan makna sebenar yang disampaikan dalam Al-Quran.

Data yang dianalisis dalam kajian ini dipilih dengan teknik pensampelan bertujuan. Menurut Chua (2021) pensampelan bertujuan (*purposive sampling*) ialah pensampelan di mana sekumpulan subjek yang mempunyai ciri-ciri tertentu dipilih sebagai data kajian. Sebanyak enam (6) ayat yang dipilih mengandungi *majaz mursal* daripada hubungan berdasarkan keadaan yang telah terjadi (علاقة اعتبار ما كان) dari sumber utama kajian ini iaitu kitab *Burhan fi ulum al-Quran* karangan Imam Zarkasyi. Data korpus ialah ayat 232 dan 234 daripada surah al-Baqarah, ayat 2 dan 12 daripada surah al-Nisa, ayat 65 daripada surah Yusuf dan ayat 74 daripada surah Taha.

Analisis data dalam empat (4) teks terjemahan yang dipilih adalah berlandaskan strategi eksplisitasi yang diperkenalkan oleh Vinay and Darbalnet (1995) dan teknik pengeksplisitasi yang dikemukakan oleh Murtisari (2016) iaitu teknik penambahan, maklumat tambahan dalam kurungan dan maklumat tambahan pada nota kaki. Strategi eksplisitasi oleh Vinay dan Darbalnet diaplikasikan kerana mereka berdua mendefinisikan eksplisitasi sebagai satu prosedur dalam terjemahan yang menyerlahkan makna implisit yang wujud dalam bahasa sumber ke dalam bahasa sasaran atas faktor keadaan dan konteks. Hal ini sesuai dengan fenomena *majaz mursal* yang mengandungi makna implisit yang boleh mempengaruhi teks sasaran.

Kesemua enam (6) data yang mengandungi gaya bahasa *majaz mursal* daripada hubungan berkaitan dengan perkara yang telah terjadi disemak berdasarkan kitab balaghah seperti *al-Balaghah al-Arabiah al-Bayan wa al-Badi* dan *al-Balaghah al-Wadhihah*. Tambahan lagi, ketepatan terjemahan enam (6) data disemak dengan tafsiran ulama yang muktabar dengan menggunakan kitab Tafsir al-Kasyyaf li Al-Zamakhsyari, Tafsir Jalalain oleh al-Suyuti, Tafsir Baydhwani Anwar At-Tanzil wa Asraru At-Tawil, Tafsir At-Tashil li Ulumul Tanzil oleh Ibn Juzayy, Tafsir al-Tahrir Wa Tanwir oleh Ibn Asyur, Tafsir Jamiul Bayan oleh Al-Tabari, Tafsir Al-Munir dan Tafsir Fi Zilalil Quran untuk memastikan data yang dipilih adalah sahih dan menepati tafsiran ulama.

## Dapatan dan Perbincangan

### 1. Surah al-Nisa ayat 2

﴿وَأَتُوا الْيَتِيمَ آؤْمُولَهُمْ وَلَا تَتَّبِعُوا الْخَيْبَ بِالطُّيْبِ وَلَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَهُمْ إِلَى أَمْوَالِكُمْ إِنَّهُ كَانَ حُوبًا كَبِيرًا ۝٢﴾

Jenis Terjemahan	Terjemahan
Terjemahan AHHOQ	<u>Dan berikanlah kepada anak-anak yatim (yang sudah dewasa) harta mereka, janganlah kamu menukar yang baik dengan yang buruk ...</u>
Terjemahan KB	<u>Dan berikanlah kepada anak-anak yatim (yang sudah dewasa) harta mereka, janganlah kamu menukar yang baik dengan yang buruk, ...</u>
Terjemahan AB	<u>Dan berikanlah kepada anak-anak yatim (yang telah baligh) itu harta mereka, dan janganlah kamu tukar-gantikan yang baik dengan yang buruk, ...</u>
Terjemahan YR	<u>Dan berikanlah kepada anak-anak yatim (yang telah baligh) itu harta mereka dan janganlah kamu menukar-ganti yang baik dengan yang buruk ...</u>

Ayat ini berkaitan dengan pemberian harta kepada anak yatim. *Majaz mursal* dalam ayat ini daripada kategori hubungan berkaitan dengan perkara yang telah terjadi (علاقة اعتبار ما كان) iaitu pada perkataan **الْيَتِيمَى** yang membawa maksud telah baligh (Al-Baidhawi 1997; Al-Suyuti n.d.; Al-Tabari n.d.; Ibn Juzayy, 1995) atau sampai akil baligh (Az-Zuhaili, 2018). Lafaz **الْيَتِيمَى** dianggap *majaz mursal* daripada kategori hubungan berkaitan dengan perkara yang telah terjadi kerana sewaktu penyerahan harta mereka bukan lagi dianggap anak yatim tetapi penggunaan lafaz ini dengan mengambil kira keadaan sebelum itu.

AHHOQ dan KB menterjemahkan ungkapan *majaz mursal* tersebut dengan “anak-anak yatim (yang sudah dewasa)”. AB dan YR menterjemah dengan “anak-anak yatim (yang telah baligh).

Keempat-empat terjemahan tidak menggunakan pendekatan literal semata-mata. Mereka malah menggunakan maklumat tambahan dalam kurungan bagi menjelaskan makna implisit pada **الْيَتِيمَى**. Dalam strategi eksplisitasi, teknik maklumat tambahan dalam kurungan adalah salah satu teknik yang dapat menzahirkan makna implisit (Abdullah et al. 2020a; Murtisari, 2016) dalam bahasa sumber kepada bahasa sasaran.

Perbezaan antara keempat-empat terjemahan tersebut adalah penggunaan leksikal iaitu AHHOQ dan KB menggunakan dewasa yang bermaksud sudah baligh, mencapai umur 21 tahun (*Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2007, p. 347). AB dan YR pula menggunakan istilah baligh yang kebiasaannya digunakan dalam hukum-hukum fiqh dan mengekalkan leksikal asal yang digunakan dalam bahasa Arab yang bermaksud matang (Farhat, 2011, p. 53). Penggunaan perkataan baligh juga digunakan dalam bahasa Melayu yang bermaksud cukup umur atau dewasa (*Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2007, p. 116).

Pengkaji berpandangan bahawa pendekatan eksplisitasi seperti yang digunakan oleh keempat-empat penterjemahan ini dapat memaparkan maksud sebenar yang disampaikan dalam al-Quran sebagaimana yang dihuraikan oleh kitab tafsir muktabar.

## 2. Surah an-Nisa' ayat 12

﴿وَلَكُمْ نِصْفُ مَا تَرَكَ أَزْوَاجُكُمْ إِنْ لَمْ يَكُنْ لَهُنَّ وَلَدٌ فَإِنْ كَانَ لَهُنَّ وَلَدٌ فَلَكُمْ الرُّبْعُ مِمَّا تَرَكَنَّ مِنْ بَعْدِ وَصِيَّةٍ يُوصِينَ بِهَا أَوْ دَيْنٍ﴾  
 ... ١٢ ﴿

Terjemahan	Jenis Terjemahan
Terjemahan AHHOQ	<u>Dan bagi kamu (suami-suami) adalah seperdua dari harta yang ditinggalkan oleh isteri-isteri</u> , jika mereka tidak mempunyai anak, maka kamu mendapat seperempat dari harta yang ditinggalkannya (dengan syarat) setelah (dipenuhi) wasiat yang mereka buat atau (setelah dibayar) hutangnya
Terjemahan KB	<u>Dan bahagianmu (suami-suami) adalah satu per dua daripada harta yang ditinggalkan oleh isteri-isterimu</u> , jika mereka tidak mempunyai anak. Jika mereka (isteri-isterimu) itu mempunyai anak, maka kamu mendapat satu per empat daripada harta yang ditinggalkannya setelah (dipenuhi) wasiat yang mereka wasiatkan atau (dan setelah dibayar) hutangnya.
Terjemahan AB	<u>Dan bagi kamu seperdua dari harta yang ditinggalkan oleh isteri-isteri kamu</u> jika mereka tidak mempunyai anak. Tetapi jika mereka mempunyai anak maka kamu beroleh seperempat dari harta yang mereka tinggalkan, sesudah ditunaikan wasiat yang mereka wasiatkan dan sesudah dibayarkan hutangnya.

Terjemahan YR Dan bagi kamu satu perdua daripada harta yang ditinggalkan oleh isteri-isteri kamu jika mereka tidak mempunyai anak. Tetapi jika mereka mempunyai anak maka kamu beroleh satu perempat daripada harta yang mereka tinggalkan, sesudah ditunaikan wasiat yang mereka wasiatkan dan sesudah dibayarkan hutangnya;

Ayat ini berkaitan perwarisan harta dan pada ungkapan *majaz mursal* dalam ayat ini memfokuskan kepada perwarisan harta isteri yang telah meninggal dunia. *Majaz mursal* dalam ayat ini daripada kategori hubungan berkaitan dengan perkara yang telah terjadi ( *علاقة اعتبار ما كان* ) iaitu pada perkataan *أَزْوَاجِكُمْ* yang membawa maksud isteri yang telah meninggal dunia. Huraian Al-Zarkasyi (1984:280) menyatakan jika sudah meninggal bukan lagi *أَزْوَاجًا* dan digunakan lafaz *أَزْوَاجًا* berdasarkan keadaan sewaktu hidupnya. Seseorang yang telah meninggal dunia dalam bahasa Melayu dikenali arwah (*Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2007, p. 80).

AHHOQ menterjemahkan ungkapan *majaz mursal* tersebut dengan “isteri-isteri”. Karya Bestari pula dengan “isteri-isterimu” dan AB dan YR dengan “isteri-isteri kamu”. Keempat-empat terjemahan menterjemahkan dengan pendekatan literal dan tidak menzahirkan leksikal yang menggambarkan maksud *أَزْوَاجًا* yang sebenar seperti tafsiran ulama. Dalam strategi eksplisitasi, teknik penambahan adalah teknik yang menambah perkataan yang pada asalnya tiada dalam bahasa sumber sebagai maklumat yang ingin disampaikan dengan lebih jelas dalam konteks dan keadaan ayat dalam bahasa sasaran (Panessai et al., 2021).

Untuk mencapai kesepadanan dan ketepatan terjemahan yang seiring dengan tafsiran ulama seperti Al-Zarkasyi (1984), penterjemah boleh menggunakan strategi eksplisitasi dengan teknik penambahan seperti berikut:

Dan bagi kamu (suami-suami) adalah seperdua dari harta yang ditinggalkan oleh **arwah** isteri-isteri ...

### 3. Surah al-Baqarah 232

﴿وَإِذَا طَلَقْتُمُ النِّسَاءَ فَبَلَغْنَ أَجَلَهُنَّ فَلَا تَعْضُلُوهُنَّ أَنْ يَنْكِحْنَ أَزْوَاجَهُنَّ إِذَا تَرْضَوْنَ بِبَيْنَهُمْ بِالْمَعْرُوفِ ذَلِكَ يُوعَظُ بِهِ مَنْ كَانَ مِنْكُمْ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ... ۲۳۲﴾

Terjemahan	Jenis Terjemahan
Terjemahan AHHOQ	Apabila kamu mentalak isteri-isterimu, lalu habis idahnya, maka janganlah kamu (para wali) menghalangi mereka <u>berkahwin lagi dengan bakal suaminya</u> <sup>2</sup> , apabila telah terdapat kerelaan di antara mereka dengan cara yang makruf. Itulah yang dinasihatkan kepada orang yang beriman di antara kamu kepada Allah dan hari kemudian. <small>(2) Berkahwin lagi dengan bekas suami atau dengan lelaki lain.</small>
Terjemahan KB	Dan apabila kamu menceraikan isteri-isteri (kamu), lalu sampai idahnya, maka jangan kamu halang mereka untuk <u>menikah (lagi) dengan calon suaminya</u> , <sup>85</sup> apabila telah terjalin keserasian di antara mereka dengan cara yang baik. Itulah yang dinasihatkan kepada orang-orang di kalangan kamu yang beriman kepada Allah dan hari akhirat. <small>(85) Menikah lagi dengan bekas suami atau lelaki lain.</small>



Terjemahan AB	Dan apabila kamu menceraikan isteri-isteri (kamu), lalu habis masa 'iddah mereka, maka janganlah kamu (wahai wali-wali nikah) menahan mereka daripada <u>berkahwin semula dengan (bekas) suami mereka</u> , apabila mereka (lelaki dan perempuan itu) bersetuju sesama sendiri dengan cara yang baik (yang dibenarkan oleh Syara'). Demikianlah diberi ingatan dan pengajaran dengan itu kepada sesiapa di antara kamu yang beriman kepada Allah dan hari akhirat.
Terjemahan YR	Dan apabila kamu menceraikan isteri-isteri (kamu), lalu habis masa 'iddah mereka, maka janganlah kamu (wahai wali-wali nikah) menahan mereka daripada <u>berkahwin semula dengan (bekas) suami mereka</u> , apabila mereka (lelaki dan perempuan itu) bersetuju sesama sendiri dengan cara yang baik (yang dibenarkan oleh syara'). Demikianlah diberi ingatan dan pengajaran dengan itu kepada sesiapa antara kamu yang beriman kepada Allah dan hari akhirat.

Ayat ini berkaitan dengan kewajipan lelaki dalam memperlakukan isteri yang ditalak, dan hak perwalian untuk menikahkan (Az-Zuhaili, 2018). *Majaz mursal* dalam ayat ini ialah daripada kategori hubungan berkaitan dengan perkara yang telah terjadi (علاقة اعتبار ما كان) iaitu pada perkataan **أَرْوَجَهُنَّ** yang membawa maksud bekas suami (Al-Baidhawi, 1997, p. 143; Al-Suyuti, n.d., p. 50; Al-Zamakhshari, 1987, p. 277; Al-Zarkasyi, 1984, p. 280). Ibn Kathir (1998) mentafsir lafaz ini dengan maksud bekas suami yang ingin kembali kepada isteri yang telah dicerai dengan talak *raj'i*. Tafsiran ulama dalam kitab-kitab muktabar seperti Al-Tabari (1984), al-Baidhawi (1997), dan al-Zamakhshari (1987), telah mentafsirkan **أَرْوَجَهُنَّ** dengan menghuraikan kisah bekas suami adik kepada Ma'qil bin Yasar sebagai hujah kepada tafsiran ayat ini.

AHHOQ (2019) menterjemahkan ungkapan *majaz mursal* tersebut dengan “bakal suaminya” dan KB “calon suaminya”. AB dan YR pula menterjemahkan dengan “(bekas) suami mereka”.

Terjemahan AHHOQ, KB, AB dan YR didapati menggunakan pendekatan eksplisitasi pada makna implisit yang terkandung dalam ungkapan *majaz mursal* “**أَرْوَجَهُنَّ**”. Penggunaan teknik maklumat dalam kurungan dan maklumat pada nota kaki mampu menjelaskan lagi maksud sebenar yang disampaikan dalam al-Quran.

#### 4. Surah al-Baqarah ayat 234

﴿وَالَّذِينَ يُتَوَفَّوْنَ مِنْكُمْ وَيَذُرُونَ أَزْوَاجًا يَتَرَبَّصْنَ بِأَنْفُسِهِنَّ أَرْبَعَةَ أَشْهُرٍ وَعَشْرًا فَإِذَا بَلَغْنَ أَجَلَهُنَّ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْكُمْ فِي مَا فَعَلْنَ فِي أَنْفُسِهِنَّ بِالْمَعْرُوفِ ... ۲۳۴﴾

Terjemahan	Jenis Terjemahan
Terjemahan AHHOQ	Orang yang meninggal dunia di antaramu dengan <u>meninggalkan isteri-isteri</u> , (hendaklah para isteri itu) menunggu (beridah) empat bulan sepuluh hari. Kemudian apabila telah habis idahnya, maka tiada dosa bagimu (para wali) membiarkan mereka berbuat terhadap diri mereka menurut cara yang patut.
Terjemahan KB	Dan orang-orang yang mati di antara kamu serta <u>meninggalkan isteri-isterinya</u> hendaklah mereka (isteri-isteri) menunggu empat bulan sepuluh hari. Kemudian apabila telah sampai (akhir) idah mereka, maka tiada dosa bagimu tentang apa yang mereka lakukan terhadap diri mereka dengan cara yang betul.

Terjemahan AB	Dan orang-orang yang meninggal dunia di antara kamu, sedang mereka <u>meninggalkan isteri-isteri</u> , hendaklah isteri-isteri itu menahan diri mereka (ber'iddah) selama empat bulan sepuluh hari. Kemudian apabila telah habis masa 'iddahnya itu maka tidak ada salahnya bagi kamu mengenai apa yang dilakukan mereka pada dirinya menurut cara yang baik (yang diluluskan oleh Syara').
Terjemahan YR	Dan orang yang meninggal dunia antara kamu, sedang mereka <u>meninggalkan isteri-isteri</u> , hendaklah isteri-isteri itu menahan diri mereka (ber'iddah) selama empat bulan sepuluh hari. Kemudian apabila telah habis masa 'iddahnya itu maka tidak ada salahnya bagi kamu (para wali) membiarkan mereka berbuat pada dirinya menurut cara yang baik (yang dibenarkan oleh syara').

Ayat ini membincangkan 'iddah isteri yang kematian suami (Az-Zuhaili 2018/1: 573). *Majaz mursal* dalam ayat ini ialah daripada kategori hubungan berkaitan dengan perkara yang telah terjadi (علاقة اعتبار ما كان) iaitu pada perkataan أَزْوَاجًا yang membawa maksud pasangan yang ditinggalkan kerana kematian (Al-Zamakhshari, 1987), isteri yang menunggu masa 'iddah (Al-Suyuti, n.d.) ataupun pasangan yang terputus hubungan perkahwinan kerana kematian.

AHHOQ, AB dan YR menterjemah ungkapan *majaz mursal* dengan "isteri-isteri" dan KB pula dengan "isteri-isterinya". Keempat-empat terjemahan menggunakan pendekatan literal dalam menterjemah *majaz mursal* tersebut.

Pendekatan literal yang digunakan oleh keempat-empat penterjemah tidak dapat menzahirkan makna implisit yang terkandung dalam *majaz mursal* tersebut. Penggunaan perkataan isteri tidak sesuai kerana dalam bahasa Melayu, perkataan isteri membawa maksud perempuan yang menjadi pasangan hidup kepada seseorang lelaki (*Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2007, p. 591) dan hal tersebut tidak menggambarkan keadaan perempuan seperti yang dihuraikan dalam kitab-kitab tafsir. Dalam istilah bahasa Melayu seorang perempuan yang menjadi janda kerana kematian suami dikenali sebagai balu (*Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2007, p. 117). Istilah ini lebih dekat dan tepat dengan huraian kitab-kitab tafsir seperti Al-Suyuti, Al-Zamakhshari (1987) dan Az-Zuhaili (2018).

Untuk mencapai kesepadanan dan ketepatan tafsiran ulama, penterjemah boleh menggunakan maklumat tambahan dalam kurungan seperti berikut:

Dan orang-orang yang meninggal dunia di antara kamu, sedang mereka meninggalkan isteri-isteri (**balu**), ...

#### 5. Surah Taha ayat 74

إِنَّهُ مِنْ يَأْتِ رَبَّهُ مُجْرِمًا فَإِنَّ لَهُ جَهَنَّمَ لَا يَمُوتُ فِيهَا وَلَا يَحْيَىٰ ٧٤

Terjemahan	Jenis Terjemahan
Terjemahan AHHOQ	<u>Sesungguhnya barangsiapa datang kepada Tuhannya dalam keadaan berdosa</u> , maka sesungguhnya baginya neraka Jahanam. Dia tidak mati di dalamnya dan tidak (pula) hidup.
Terjemahan KB	<u>Sesungguhnya barang siapa datang kepada Tuhannya dalam keadaan berdosa</u> , maka sesungguhnya, baginya adalah Neraka Jahanam. Dia tidak mati tetapi terus

Terjemahan AB	merasakan azab di dalamnya dan tidak pula hidup (tidak dapat bertaubat). <u>Sebenarnya sesiapa yang datang kepada Tuhannya pada hari akhirat sedang ia bersalah<sup>891</sup></u> , maka sesungguhnya adalah baginya neraka jahanam yang tidak mati didalamnya dan tidak pula hidup. (891) Yakni mati dalam keadaan bersalah
Terjemahan YR	“Sebenarnya sesiapa yang datang kepada Tuhannya pada hari akhirat dalam <u>keadaan berdosa</u> , maka baginya Neraka Jahannam. Dia tidak mati di dalamnya dan tidak pula hidup.”

Ayat ini mengenai perlawanan antara Nabi Musa A.S dengan para penyihir, serta keengganan mereka beriman kepada Allah S.W.T. (Az-Zuhaili, 2018, p. 499). *Majaz mursal* dalam ayat ini ialah daripada kategori hubungan berkaitan dengan perkara yang telah terjadi iaitu pada perkataan مُجْرَمًا yang membawa maksud kafir (Al-Zamakhshari, 1987; Ibn Asyur, n.d.), kafir seperti Firaun (Al-Suyuti, n.d.) dan mati dalam kekafiran atas maksiat yang dilakukannya (Al-Baidhawi, 1997). Al-Zarkasyi (1984) menghuraikan, disebut مُجْرَمًا kerana berdasarkan keadaan seseorang yang melakukan kemaksiatan sewaktu di dunia. Kemaksiatan yang disebut ini adalah dosa-dosa yang dilakukan oleh seseorang ketika kehidupannya di dunia bukan pada hari pembalasan (Murdiono et al. 2021).

AHHOQ, KB dan YR menterjemah ungkapan *majaz mursal* tersebut dengan “dalam keadaan berdosa”. Manakala, AB pula menterjemahkan dengan “sedang ia bersalah” diikuti dengan maklumat tambahan pada nota kaki.

Terjemahan AHHOQ, KB dan YR tidak menzahirkan makna *majaz mursal* tersebut seperti yang dihuraikan oleh kitab tafsir. Mereka menggunakan penterjemahan secara literal. Penterjemahan secara literal telah menyebabkan maksud sebenar *majaz mursal* tidak diserlahkan dengan jelas. Sebaliknya, AB menterjemah dengan strategi eksplisitasi dengan menggunakan teknik maklumat tambahan pada nota kaki. Namun, pengkaji berpandangan nota kaki yang dikemukakan oleh AB masih boleh ditambah baik kerana maklumat tersebut masih lagi tidak menzahirkan makna hubungan apa yang telah berlaku yang ada dalam teks sumber.

Untuk mencapai kesepadanan dan ketepatan terjemahan dengan huraian kitab balaghah, pengkaji mencadangkan terjemahan alternatif dengan menggunakan strategi ekplisitasi maklumat dalam kurungan seperti berikut:

“Sesungguhnya siapa yang datang kepada Tuhannya dalam keadaan berdosa (**semasa di di dunia**), ...

## 6. Surah Yusuf ayat 65

﴿وَلَمَّا فَتَحُوا مَتْعَهُمْ وَجَدُوا بِضِعَتِهِمْ رُدَّتْ إِلَيْهِمْ قَالُوا يَا أَبَانَا مَا نَبْغِي هَذِهِ بَضْعُنَا رُدَّتْ إِلَيْنَا وَنَمِيرُ أَهْلَنَا وَنَحْفَظُ أَخَانَا وَنَزِدَادُ كَيْلَ بَعِيرٍ ذَلِكَ كَيْلٌ يَسِيرٌ ﴿٦٥﴾

Terjemahan	Jenis Terjemahan
Terjemahan AHHOQ	Tatkala mereka membuka barang-barang mereka, mereka dapati barang-barang (tukaran) mereka dikembalikan kepada mereka. Mereka berkata: “Wahai ayah kami! Apa lagi yang kita inginkan. <u>Ini barang-barang tukaran kita dikembalikan</u>

Terjemahan KB	<p><u>kepada kita</u> dan kami akan dapat memberi makan keluarga kami dan kami akan dapat memelihara saudara kami serta kami akan mendapat tambahan sukatan (gandum) seberat beban seekor unta. Itu adalah sukatan yang mudah (bagi raja Mesir) untuk ditunaikan.”</p> <p>Dan ketika mereka membukakan bungkusan barangan, mereka menemui barang-barang (tukaran) mereka dikembalikan kepada mereka. Mereka berkata, “Wahai ayah kami! Apakah lagi yang kita inginkan. <u>Barang-barang kita dikembalikan semula kepada kita</u>, dan kita dapat memberi makan keluarga kita, dan kami akan menjaga saudara kami, dan kita akan mendapat tambahan bantuan (gandum) seberat seekor unta. Itu merupakan hal yang mudah (bagi Raja Mesir).”</p>
Terjemahan AB	<p>Dan semasa mereka membuka barang-barang mereka, mereka mendapati barang-barang dagangan mereka dikembalikan kepada mereka. Mereka berkata dengan gembiranya: “Wahai ayah kami! Apa yang kita kehendaki lagi? <u>Ini dia barang-barang dagangan yang kita jadikan tukaran (bagi mendapatkan gandum) itu telah dikembalikan kepada kita</u>. Dan (dengan kemurahan hati menteri yang berbudi itu) akan dapatlah kami membawa lagi bekalan makanan kepada keluarga kami, dan kami pula akan dapat menjaga saudara kami, serta akan dapat tambahan bekalan benda-benda majan sebanyak muatan seekor unta lagi. Pemberian tambahan yang sebanyak itu mudah sekali ditunaikannya”.</p>
Terjemahan YR	<p>Semasa mereka membuka barang-barang mereka, mereka mendapati barang-barang dagangan mereka telah dikembalikan kepada mereka. Mereka berkata dengan gembiranya, “Wahai ayah kami! Apa yang kita kehendaki lagi? <u>Ini barang-barang dagangan yang kita jadikan tukaran (bagi mendapat gandum) itu telah dikembalikan kepada kita</u>. Kami akan dapat memberi makan keluarga kami dan kami akan dapat menjaga saudara kami, serta kami akan dapat tambahan benda-benda makanan sebanyak muatan seekor unta lagi. Pemberian tambahan yang sebanyak itu mudah sekali ditunaikannya.”</p>

Ayat ini berkaitan dengan perbincangan anak-anak Nabi Ya’qub AS agar mengizinkan Bunyamin ikut serta untuk membeli bahan makanan (Az-Zuhaili, 2018, p. 40) kerana mereka mempercayai bahawa Bunyamin akan membawa tuah kepada mereka. Dalam ayat ini juga, mereka mendapati bahawa barang dagangan mereka yang dibawa pada suatu ketika dahulu untuk ditukarkan dengan gandum telah dikembalikan semula oleh Raja Mesir dan bekalan makanan mereka semakin bertambah.

*Majaz mursal* dalam ayat ini ialah daripada kategori hubungan berkaitan dengan perkara yang telah terjadi (علاقة اعتبار ما كان) iaitu pada perkataan بِضْعَتِنَا yang membawa maksud secara literalnya barang tukaran (Al-Tabari, n.d.) atau dagangan yang terdahulu untuk ditukarkan dengan gandum (Ibn Juzayy 1995) atau diberi kembali barang dagangan bersama-sama gandum (Al-Suyuti, n.d.).

AHHOQ menterjemah dengan “Ini barang-barang tukaran kita dikembalikan kepada kita”. KB pula menterjemahkan ungkapan *majaz mursal* tersebut dengan “Barang-barang kita dikembalikan semula kepada kita”. AB dan YR menterjemah dengan “Ini dia barang-barang dagangan yang kita jadikan tukaran (bagi mendapatkan gandum) itu telah dikembalikan kepada kita”.

Terjemahan AHHOQ dan KB tidak dapat memaparkan makna sebenar yang terdapat dalam *majaz mursal* tersebut. Mereka menggunakan penterjemahan secara literal.

Penterjemahan secara literal telah menyebabkan makna sebenar tidak dapat dizahirkan dengan jelas. Sebaliknya, AB dan YR menggunakan pendekatan eksplisitasi dengan teknik maklumat tambahan dalam kurungan iaitu (bagi mendapatkan gandum). Kedua-dua penterjemahan ini dilihat berusaha untuk menyampaikan makna sebenar bagi lafaz **بِضْعَتِنَا** apabila terjemahan mereka diikuti dengan maklumat tambahan dalam kurungan. Namun, kedua-dua teks terjemahan masih boleh ditambah baik kerana masih tidak menyerlahkan makna sebenar seperti huraian kitab-kitab tafsir dengan jelas dan tidak mencapai makna hubungan berkaitan dengan perkara yang telah terjadi yang terdapat dalam teks sumber.

Untuk mencapai kesepadanan dan ketepatan terjemahan yang seiring dengan huraian kitab-kitab tafsir seperti (Al-Suyuti n.d.; Ibn Juzayy 1995), pengkaji mencadangkan terjemahan alternatif menggunakan strategi eksplisitasi dengan teknik maklumat dalam kurungan seperti berikut:

“Dan ketika mereka membukakan bungkusan barangan, mereka menemui **barang-barang (tukaran yang terdahulu)** dikembalikan kepada mereka ...

## Kesimpulan

Kepelbagaian gaya bahasa dalam al-Quran menunjukkan bahawa al-Quran bukanlah sesuatu yang dicipta oleh manusia. *Majaz mursal* sebagai satu gaya bahasa dalam al-Quran merupakan satu unsur yang memerlukan penelitian dan pemerhatian yang mendalam semasa proses penterjemahan supaya hasil terjemahan akan memberi makna sejelas-jelasnya bertepatan dengan kehendak asal teks sumber.

Keseluruhan analisis mendapati bahawa penggunaan pendekatan eksplisitasi maklumat tambahan dalam kurungan dan nota kaki berkesan dalam menzahirkan makna implisit dalam gaya bahasa *majaz mursal*. Kajian-kajian lain terhadap *majaz mursal* boleh diteruskan selepas ini untuk melihat penggunaan eksplisitasi dari jenis pengkhususan pula.

Analisis mendapati tiga (3) sampel iaitu ayat 12 dari surah al-Nisa', ayat 234 dari surah al-Baqarah dan ayat 65 dari surah Yusuf yang diterjemahkan dengan pendekatan penterjemahan secara literal menyebabkan makna implisit dalam *majaz mursal* hubungan berkaitan dengan perkara yang telah terjadi sebagaimana terkandung dalam retorik bahasa sumber iaitu al-Quran tidak dizahirkan. Analisis juga mendapati bahawa keempat-empat teks terjemahan tidak sepadan dengan maksud sebenar *majaz mursal* sebagaimana yang dihurai oleh kitab tafsir.

Dapatan juga mendapati satu (1) sampel iaitu ayat 74 surah Taha, tiga teks iaitu terjemahan AHHOQ, KB dan YR menggunakan pendekatan literal dan tidak dapat memaparkan maksud sebenar *majaz mursal*. Penggunaan strategi eksplisitasi dalam teks terjemahan AB dapat memaparkan maksud sebenar tetapi tidak selari dengan hubungan kemaknaan dalam hubungan berkaitan dengan perkara yang telah terjadi.

Analisis dua (2) sampel terjemahan iaitu pada ayat 2 dari surah al-Nisa' dan ayat 232 dari surah al-Baqarah, mendapati keempat-empat teks menggunakan strategi eksplisitasi untuk menyerlahkan makna implisit dalam dua ayat tersebut. Pada ayat 2 surah al-Nisa' keempat-empat teks menggunakan maklumat tambahan dalam kurungan untuk menyerlahkan maksud tersirat dalam ayat tersebut. Pada ayat 232 surah al-Baqarah pula, AHHOQ dan KB

menggunakan teknik maklumat pada nota kaki. AB dan YR pula menggunakan teknik maklumat tambahan dalam kurungan. Makna implisit dalam ayat tersebut dapat dilihat dan difahami dengan jelas.

Kesimpulannya di sini, daripada analisis terhadap enam ayat al-Quran yang mengandungi makna implisit pada gaya bahasa *majaz mursal* dalam hubungan berdasarkan apa yang telah berlaku membuktikan bahawa strategi eksplisitasi berkesan untuk menyerlahkan makna yang tersembunyi sesuai dengan kesepadanan dan ketepatan huraian tafsiran ulama serta teks terjemahan menjadi lebih jelas dan lebih difahami oleh pembaca sasaran. Walau bagaimanapun, penggunaan strategi eksplisitasi melalui kaedah kurungan dan nota kaki menyebabkan berlakunya kebolehbacaan teks yang lemah kerana mengganggu fokus pembaca sasaran.

## Rujukan

- Abdullah, N., Abd. Rahman, L., & Usman, A. H. (2019). Terjemahan Ayat Mutashabihat: Analisis Fungsi Prosedur Eksplisitasi. *Al-Irsyad: Journal of ...*, 4(2), 154–170. <http://al-irsyad.kuis.edu.my/index.php/alirsyad/article/view/63>
- Abdullah, N., Abd. Rahman, L., Ab. Hamid, N., & Musa, M. S. (2017). Terjemahan Al-Quran Ke Bahasa Melayu: Tinjauan Terhadap Kata Panggilan Kekeluargaan. *E-Journal Penyelidikan Dan Inovasi*, 4(1), 160–172.
- Abdullah, N., Samsudin, S., & Suliman, N. F. (2020a). Eksplisitasi Dalam Terjemahan Majaz Mursal Al-Quran. dalam *Isu-Isu Kontemporari Dalam Pengajian Linguistik Arab dan Ketamadunan*. Penyunting: Ghazali Zainuddin, Mohammad Imran Ahmad, Mariam Mat Daud, Ahmad Redzaudin Ghazali dan Hasanah Katim @ Iksan. Fakulti Pengajian Peradaban Islam, KUIS. Bab 1, 10-19.
- Abdullah, N., Samsudin, S., & Suliman, N. F. (2020b). Terjemahan Majaz Mursal Satu Sorotan Literatur. *Enhancing Research and Innovation in the 21st Century*, 288–299.
- Ameen, S. B. (2001). *Al-Balaghah al-Arabiyyah fi Thaubiha al Jadid Ilm al Bayan*. Dar al-Ilm li al-Malain.
- Ariffin, A., & Mansor, I. (2019). Analisis Kesahihan Terjemahan Unsur Figuratif al-Quran ke dalam Bahasa Melayu. In N. Rohana, K. A. Kadir, M. K. Zakaria, C. H. C. Noh, S. A. Hamid, H. Aziz, S. Said, Z. M. Zin, & K. S. Kamaruddin (Eds.), *Madani 2019 Seminar Antarabangsa Masyarakat Madani alaf 21* (Issue November, pp. 541–550). Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan, Universiti Malaysia Terengganu.
- Ateeq, A. A. (1985). *Fi al-Balaghah al-Arabiyyah: Ilmu al-Bayan*. Dar al-Nahdhah al-Arabiyyah.
- Baharudin, H. (2017). Strategi dan Teknik Terjemahan Novel Arab dalam Kalangan Pelajar Universiti (Arabic Novel Translation Strategies and Techniques used among University Students). *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 17(4), 225–243. <https://doi.org/10.17576/gema-2017-1704-15>
- al-Baidhawi, N. (1997). *Anwar al-Tanzil wa asrar al-Takwil*. Dar Ihya Al-Turath.
- Baker, M. (1996). *Corpus-based Translation Studies: The Challenges that Lie Ahead*. In Terminology, LSP and Translation: Studies in Language Engineering in Honour of Juan C. Sager. John Benjamin Publishing Co.
- Blum-Kulka, S. (1986). Shifts of cohesion and coherence in translation. In *Interlingual and*

- Intercultural Communication (In Juliane, pp. 17–35). Gunter Narr.
- Chua, Y. P. (2021). *Kaedah Penyelidikan (Edisi Keem)*. McGraw-Hill Education (Malaysia) Sdn Bhd.
- Farhat, D. Y. S. (2011). *Mujam Al-Tullab (D. E. B. Ya'kub (Ed.); 9th ed.)*. Dar al-Kotob al-Ilmiyah.
- Glosari Bahasa dan Kesusasteraan Arab. (1996). Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hassan, M. A., & Abdul Rahman, M. S. (2022). Terjemahan Majaz Mursal dalam Surah al-Baqarah Berdasarkan Terjemahan Perkata. *Jurnal Pengajian Islam*, 15(2), 225–240.
- Hussin, M., Sapar, A. A., & Pa, M. T. (2019). Majaz Mursal dalam Amthal Rasulullah (S.A.W). *Journal of Arabic Linguistic and Literature (JALL)* 1 (1), 61–80. [https://www.academia.edu/40486251/Majaz\\_Mursal\\_Dalam\\_Amthāl\\_Rasulullah\\_S\\_A\\_W](https://www.academia.edu/40486251/Majaz_Mursal_Dalam_Amthāl_Rasulullah_S_A_W)
- Ibn Asyur. (n.d.). *At-Tahrir wa al-Tanwir*. Dar Al-Tunisiyah.
- Ibn Kathir. (1998). *Tafsir al-Quran al-Azim (Tahqiq: Muhammad al-Husayn Shams al-Din)*. Dar al-Kutub al-Ilmiyah.
- Juzayy, I. (1995). *al-Tashil li ulum al-Tanzil*. Dar al-Arqam bin Abi al-Arqam.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. (2007). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mansor, I. (2016). Explication in The Translation into Malay of Arabic Technical Culture. Dalam *Prosiding Seminar Terjemahan Dan Interpretasi Kebangsaan*, 201–210. <http://www.hum.usm.my/sti2016/pdf/PROSIDING-STI 2016.pdf>
- Mohd Yasin, B.H., Syed Nurulakla, S. A., & Nik Farhan, M. (2017). Jurang Leksikal Dalam Penterjemahan Kata Kerja Pola Af'ala Dan Faala Al-Quran Ke Dalam Bahasa Melayu. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*. [http://journal.kuis.edu.my/jsass/images/files6/jsass\\_vol4bil1\\_022\\_badrul.pdf](http://journal.kuis.edu.my/jsass/images/files6/jsass_vol4bil1_022_badrul.pdf)
- Murtisari, E. (2016). Explication in Translation Studies: The journey of an elusive concept. *The International Journal of Translation and Interpreting Research*, 8(2), 64–81. <https://doi.org/10.12807/ti.108202.2016.a05>
- Nida, E.A. (1964). *Toward A Science of Translating with Special Reference To Principles and Procedures Involved in Bible Translating*. E.J. Brill.
- Nurbayan, Y. (2016). The Analysis of a Translation of Musyakalah Verses in the Holy Quran Published by the Indonesian Department of Religious Affairs. <https://doi.org/doi.10.20944/preprints201608.0057.v1>
- Panessai, I.Y., Iskandar, D., Afriani, Pratiwi, & Effendi, E. (2021). Analisis Teknik Penerjemahan pada Abstrak Jurnal IJAI 6(1). *Journal of Humanities and Social Sciences*, 3(1), 9–22. <https://doi.org/https://doi.org/10.36079/lamintang.jhass-0301.187>
- Pym, A. (2005). Explaining Explication. *New Trends in Translation Studies: In Honour of Kinga Klaudy*, November 1992, 29–43. [http://isg.urv.es/library/papers/korr-Pym-explicitation\\_final\\_29\\_43.pdf](http://isg.urv.es/library/papers/korr-Pym-explicitation_final_29_43.pdf)
- al-Qazwini, M. I. A. R. ibn U. (2003). *al-Idhahu fi Ulum al-Balaghah (Ammad Basyuni Zaghlul (Ed.)*. Muasasah al-Kutub al-Thaqafiyyah.
- al-Suyuti, J. (n.d.). *Tafsir al-Jalalain*. Dar al-Hadith.
- Syed Arabi, I. (2002). *Kaedah Penyelidikan Komunikasi dan Sains Sosial*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- al-Tabari. (n.d.). *Jami al-Bayan an Tawil Ayi al-Quran*. Dar al-Tarbiyah wa al-Turath.

Vinay & Darbelnet, J. P. (1995). *Comparative Stylistics of French and English : A Methodology for translation* ( translated by Juan C. Sager & M.J. Hamel (Ed.)). John Benjamin Publishing Co.

Yaapar, M. S. (Ed.). (2015). *Kamus Kesusasteraan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

al-Zamakhshari. (1987). *Al-Kashshaf*. Maktabah Dar al-Turath

al-Zarkasyi. (1984). *Al-Burhan fi ulum al-Quran*. Maktabah Dar al-Turath.

al-Zuhaili, W. (2018). *Tafsir al-Munir* (3rd ed.). Gema Insani.